

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI HAJAH ROHANI BINTI HAJI
ABDUL KARIM [BATANG LUPAR]**

TARIKH : 3 NOVEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN NO. 21

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah tindakan Kerajaan bagi memastikan penjarakan fizikal dalam pesawat diamalkan oleh syarikat penerbangan oleh kerana terdapat beberapa kes-kes jangkitan COVID-19 dilaporkan adalah diperoleh dari dalam pesawat penerbangan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan dan Kementerian Kesihatan amat prihatin terhadap perihal keselamatan dan kesihatan penumpang-penumpang yang menggunakan perkhidmatan pengangkutan udara. Dalam hubungan ini, pihak International Civil Aviation Organization (ICAO), World Health Organization (WHO) dan International Air Transport Association (IATA) telah mengeluarkan garis panduan berhubung tindakan-tindakan yang perlu diambil bagi menyekat penularan wabak COVID-19 dalam pesawat penerbangan.
2. Selanjutnya, pihak ICAO, WHO dan IATA tidak menyarankan untuk Kerajaan mewajibkan penetapan penjarakan sosial dalam pesawat dilaksanakan. Sebaliknya, semua syarikat penerbangan disarankan untuk memastikan semua penumpang memakai pelitup muka dan membawa *hand sanitizer*. Pada masa yang sama, adalah penting saringan kesihatan dilaksanakan kepada semua penumpang menaiki dan keluar pesawat bagi mengenal pasti penumpang yang bergejala.
3. IATA melalui garis panduan *Guidance for Cabin Operations During and Post Pandemic Edition* yang dikeluarkan pada 22 April 2020 telah menjelaskan bahawa risiko penyebaran wabak COVID-19 dalam pesawat adalah rendah sekiranya penumpang memakai penutup muka dan mengurangkan sentuhan. IATA menjelaskan bahawa kedudukan tempat duduk penumpang yang tegak dengan muka memandang kehadapan dapat menghadkan interaksi antara penumpang secara bersemuka,

manakala aliran udara dalam pesawat iaitu dari siling ke lantai pesawat dengan penggunaan penapis udara *high efficiency particulate air* (HEPA) merupakan antara faktor yang membantu mengurangkan risiko penularan wabak COVID-19 semasa penumpang berada dalam pesawat.

4. Sehubungan dengan saranan ini, Mesyuarat Khas Menteri-Menteri Mengenai Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bil. 50/2020 yang telah diadakan pada 6 Jun 2020 antara lain telah memaklumkan bahawa Kerajaan telah bersetuju supaya penjarakan sosial dalam pesawat dikecualikan sepenuhnya bagi semua perkhidmatan penerbangan berjadual dan tidak berjadual termasuk general aviation, operasi private jet dan helikopter berkuatkuasa mulai 10 Jun 2020.
5. Walaupun penjarakan sosial dalam pesawat penerbangan telah diberikan pengecualian oleh pihak kerajaan, namun operator lapangan terbang dan syarikat-syarikat penerbangan masih diwajibkan untuk melaksanakan *Standard Operating Procedures* (SOP) yang telah ditetapkan semasa di terminal lapangan terbang, semasa menaiki pesawat dan semasa berada dalam pesawat bagi mengelak berlakunya penularan wabak COVID-19 dengan mengambil langkah-langkah seperti berikut:
 - a. saringan suhu badan diwajibkan kepada pekerja, pengguna, krew penerbangan dan penumpang;
 - b. pemakaian pelitup muka (*face mask*) diwajibkan di kawasan umum lapangan terbang serta kepada semua krew dan penumpang yang memasuki pesawat penerbangan;
 - c. hidangan makanan dalam pesawat (*in-flight meal*) adalah tidak digalakkan dan interaksi dengan penumpang diminimakan;

NO. SOALAN: 21

- d. proses nyahkuman ruang pesawat selepas setiap operasi penerbangan; dan
- e. amalan penjarakkan sosial di kawasan umum lapangan terbang melalui tanda jarak 1 meter di lantai, meja dan kerusi kecuali di pintu pelepasan (*boarding gate*).

Sekian, terima kasih.